



KONSEP LIABILITI KORPORAT

- Merujuk kepada "**Kesalahan Oleh Organisasi Komersial**" yang diperuntukkan di dalam **Seksyen 17A Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009**.
- Liabiliti boleh dikenakan ke atas organisasi komersial yang gagal mencegah perbuatan rasuah yang dilakukan oleh mana-mana orang yang bersekutu dengannya.
- Organisasi komersial berakuntabiliti terhadap perbuatan rasuah orang bersekutunya:
 - Dalam skop pekerjaan; dan
 - Demi faedah organisasi.

KESALAHAN OLEH ORGANISASI KOMERSIAL

Seksyen 17A. (1) Suatu organisasi komersial melakukan kesalahan jika seseorang yang bersekutu dengan organisasi komersial itu secara rasuah **memberikan, bersetuju untuk memberikan, menjanjikan atau menawarkan** kepada mana-mana orang apa-apa suapan sama ada bagi faedah orang itu atau bagi faedah orang lain dengan niat:-

- untuk memperoleh atau mengekalkan perniagaan bagi organisasi komersial itu; atau
- untuk memperoleh atau mengekalkan faedah dalam menjalankan perniagaan bagi organisasi komersial itu.

AKAUNTABILITI ORGANISASI KOMERSIAL

Seksyen 17A. (3) Jika sesuatu kesalahan dilakukan oleh organisasi komersial, seseorang:-

- yang menjadi pengarah, pengawal, pegawai atau pekongsinya; atau
- yang terlibat dengan pengurusan hal ehwalnya,

pada masa kesalahan itu dilakukan, disifatkan telah melakukan kesalahan itu **melainkan jika orang itu membuktikan bahawa kesalahan itu dilakukan tanpa keizинannya atau pembiarannya** dan bahawa dia telah menjalankan segala usaha yang wajar dilakukannya untuk menghalang pelakuan kesalahan itu dengan mengambil kira jenis fungsinya atas sifat itu dan kepada hal keadaan."



PRINSIP



TATACARA MENCUKUPI SEBAGAI USAHA MENGELAK LIABILITI KORPORAT

Seksyen 17A. (4) :-

“Jika suatu organisasi komersial dipertuduh bagi kesalahan yang disebut dalam subseksyen (1), menjadi pembelaan bagi organisasi komersial itu untuk **membuktikan bahawa organisasi komersial itu mempunyai tatacara yang mencukupi** untuk menghalang orang yang bersekutu dengan organisasi komersial itu daripada melakukan perbuatan itu.”

Garis panduan ini dikeluarkan oleh Pejabat Perdana Menteri Malaysia pada Disember 2018 selaras dengan **Subseksyen (5) Seksyen 17A Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009**.

Objektif garis panduan ini adalah untuk membantu organisasi komersial memahami kaedah pelaksanaan tatacara mencukupi yang boleh dilaksanakan bagi **mencegah berlakunya rasuah** yang berkaitan dengan aktiviti perniagaan.

